

02 JUL 2002

Pendang-Simpati (Fokus Berita)/I

PERANAN UNDI SIMPATI PADA DUA PILIHAN RAYA KECIL

Oleh: Jamaluddin Muhammad

PENDANG, 2 Julai (Bernama) -- Pada 22 Jun, ribuan rakyat menangis sebaik mendengar berita yang mengemparkan negara iaitu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melepaskan semua jawatan politiknya, tetapi menarik balik keputusan itu.

Esoknya, ribuan lagi rakyat menangis apabila Presiden PAS Datuk Fadzil Noor meninggal dunia.

Antara yang mengalirkan air mata, terdiri daripada pengundi kawasan Parlimen Pendang dan kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Anak Bukit. Kedua-dua kawasan itu diwakili Fadzil.

Bagaimanakah akan mereka terjemahkan simpati itu melalui undi pada hari pengundian bagi kedua-dua pilihan raya kecil itu?.

Barisan Nasional (BN) dan PAS tidak mempunyai jawapan tetapi kedua-duanya mengakui bahawa undi simpati memainkan peranan penting pada kedua-dua pilihan raya kecil terbabit.

Tan Sri Muhammad Muhammad Taib, penyelarass Umno bagi kedua-dua pilihan raya kecil itu berkata undi simpati boleh memainkan peranan penting pada tahap tertentu.

"Undi simpati, hasil kedua-dua insiden itu boleh memainkan peranan penting tetapi kita tidak tahu sejauh mana peranannya," kata Persurujaya PAS Kedah Haji Azizan Abdul Razak.

Beliau berkata kematian Fadzil, penyandang bagi kedua-dua kerusi itu, masih segar diingatan para pengundi, malah terbawa-bawa hingga ke hari pengundian pada 18 Julai.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata jika PAS menggunakan kematian Fadzil untuk meraih undi simpati, para pengundi juga boleh menunjukkan simpati dan sayang mereka kepada Dr Mahathir, semasa mengundi.

"Saya yakin BN akan mendapat lebih banyak undi simpati daripada PAS berdasarkan sokongan padu rakyat," katanya.

Seorang ahli Sains Politik Prof Madya Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata faktor PAS yang telah menyenarai pendek anak lelaki Fadzil, Dr Amar sebagai seorang daripada calon parti itu, menunjukkan mereka cuba meraih undi simpati.

Katanya undi simpati untuk PAS hanya semata-mata berdasarkan perbezaan simpati dengan "simpati positif" untuk BN dengan para pengundi akan menterjemahkan sokongan mereka terhadap usaha Dr Mahathir menangguhkan pengundurannya dalam kerajaan dan parti hingga Oktober tahun depan, dalam bentuk undi.

Para pengundi boleh menggunakan "simpati positif" kali ini bagi menebus balik kesilapan mereka memilih pembangkang pada pilihan raya umum lepas.

Bagaimanapun, beliau yakin pengundi hari ini bijak dan tidak mudah terpengaruh dengan emosi.

Dr Mohamed yang juga timbalan naib canselor sebuah universiti tempatan, yakin pengundi di Pendang dan Anak Bukit akan bersikap rasional semasa mengundi, dengan mengambil kira pembangunan pesat dalam negara dan bagaimana negara keluar daripada kemelesetan ekonomi berbanding negara lain di rantau ini.

-- BERNAMA

JM LAT